

SOALAN NO: 121

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. TUAN KHOO SOO SEANG

SOALAN:

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah dan insentif untuk melahirkan pekerja-pekerja berinovasi selaras dengan moto Hari Pekerja Pekerja Berinovasi Pemacu Transformasi.

PR-1322-T62605

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Di antara langkah-langkah Kementerian Sumber Manusia (KSM) untuk melahirkan pekerja-pekerja berinovasi selaras dengan moto Hari Pekerja Pekerja Berinovasi Pemacu Transformasi adalah seperti berikut:

- i. Jabatan Tenaga Manusia (JTM) menggunakan kurikulum yang menjurus kepada kebolehan merekacipta dan menyelesaikan masalah. Di dalam sesi pembelajaran, selain

dihendaki membuat latihan amali selepas habis modul latihan, pelajar-pelajar juga dihendaki menyiapkan projek tahun akhir sebelum tamat latihan bagi mendedahkan mereka kepada pemikiran kreatif dan inovatif.

- ii. JTM menganjurkan **pertandingan kreativiti dan inovasi** bagi memberi peluang kepada pelajar untuk mempertandingkan hasil ciptaan mereka. Bermula tahun 2000, JTM menganjurkan pertandingan ‘Creativity and Innovative of Technology Competition (CITEC) yang diadakan untuk memupuk daya kreatif, ciptaan dan inovasi di kalangan pensyarah dan pelajar ILJTM, bagi mencapai tahap rekacipta terkini dari segi ‘design’ dan ‘functionality’.
- iii. Menyediakan program **Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)** dengan 70 peratus latihan di tempat kerja manakala 30 peratus latihan di pusat latihan.

Tuan Yang Di Pertua,

2. Di antara insentif yang disediakan oleh Kementerian dalam melahirkan pekerja berinovasi adalah seperti berikut:

- i. KSM melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) membenarkan majikan berdaftar di bawahnya

menggunakan tabung **Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM)** untuk tujuan melatih para mereka. Hampir semua bidang latihan khususnya yang menjurus kepada peningkatan kemahiran adalah dibenarkan dan mendapat pembiayaan penuh di bawah dana KWPSM. Antara bidang-bidang latihan yang biasa dipohon oleh para majikan dan mendapat kelulusan bantuan kewangan daripada PSMB termasuklah kursus-kursus yang boleh meningkatkan tahap inovasi dan kreativiti pekerja.

- ii. Mewujudkan **Anugerah Pekerja Mahir** sempena Sambutan Hari Pekerja bagi mengiktiraf pekerja yang berinovasi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN KHOO SOO SEANG
[TEBRAU]

SOALAN :

YB TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

- (a) unjuran keperluan sumber manusia di negara kita mengikut profesion-profesional penting bagi 5 tahun yang akan datang; dan
- (b) adakah unjuran tersebut diketahui oleh institusi-institusi pendidikan tinggi demi menyelaraskan pengeluaran graduan-graduan yang mengikut keperluan negara.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Keperluan modal insan merupakan sebahagian daripada agenda yang diberi keutamaan dalam penyediaan Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia, termasuklah Rancangan Malaysia Keselbelas (2016 – 2020) yang sedang dirangka. Pada masa ini, unjuran keperluan sumber manusia yang dikeluarkan oleh kerajaan adalah di peringkat makro berdasarkan lima sektor utama ekonomi iaitu Pertanian, Perlombongan dan Kuari, Pembuatan, Pembinaan serta Perkhidmatan. Unjuran juga dibuat mengikut sembilan jenis pekerjaan berdasarkan Malaysia Standard Classification of Occupations (MASCO) iaitu Pegawai Kanan dan Pengurus, Profesional, Juruteknik dan Profesional Bersekutu, Pekerja Pekeranian, Pekerja Perkhidmatan, Pekerja Kedai dan Jurujual, Pekerja Mahir Pertanian dan Perikanan, Pekerja Pertukangan dan berkaitan, Operator Loji dan Mesin dan Pemasang serta Pekerja asas. Maklumat ini diterbitkan dalam dokumen Rancangan Pembangunaan Lima Tahun, misalnya Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Namun yang demikian, sebagai persediaan untuk RMKe-11, unjuran terperinci berdasarkan subsektor dan jenis pekerjaan khusus sedang dilaksanakan melalui beberapa kajian. Antara kajian yang sedang dilaksanakan ialah “Study on Supply and Demand for Professional Occupations in Meeting the Need of a High Income Economy in 2020”. Kajian ini sedang mengenal pasti keperluan tenaga manusia

dalam sembilan kategori pekerjaan profesional iaitu Sains dan Kejuruteraan; Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan; Pendidikan; Perniagaan dan Pentadbiran; Teknologi Maklumat dan Komunikasi; Undang-undang; Hospitaliti; Sosial dan Kebudayaan; dan Kawal Selia (*Regulatory*). Dapatan kajian ini kelak dijangka akan dapat menjajarkan keperluan tenaga manusia mengikut profesi dengan penawaran daripada institusi pengajian tinggi.

Tuan Yang di-Pertua,

Input daripada unjuran digunakan oleh Jabatan Pengajian Tinggi untuk menilai kewajaran penawaran program baru dan merealisasikan program sedia ada. Ini dilakukan melalui Jawatankuasa Pendidikan Tinggi di Kementerian Pendidikan yang mana dianggotai oleh wakil Unit Perancang Ekonomi, Jabaran Perdana Menteri, Kementerian Kewangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam. Selain daripada itu, maklumat daripada ‘tracer study’ ke atas pelajar yang telah bergraduat turut menjadi panduan untuk membuat penyelarasan permintaan dan penawaran. Kementerian Pendidikan Malaysia juga sedang mengambil langkah untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui penglibatan industri dalam penyediaan kurikulum, latihan internship industri kepada pelajar dan pendedahan industri kepada tenaga pengajar.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD
[PASIR GUDANG]**

SOALAN :

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah relevan untuk pelajar lepasan ijazah sarjana muda yang mendapat kelas kedua (atas) dalam masa yang sama telah bergiat aktif dalam aktiviti kokurikulum dan kepimpinan diberi peluang untuk mendapatkan pengecualian bayaran balik PTPTN sepertimana yang diperoleh graduan kelas pertama dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk meningkatkan peratusan bayaran balik pinjaman dari semasa ke semasa.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Dasar pengecualian bayaran balik telah mula dilaksanakan pada tahun 2003 dan terbuka kepada semua pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) yang berjaya memperoleh keputusan kepujian kelas pertama. Sehingga 30 April 2014, seramai 21,325 peminjam telah mendapat pengecualian bayaran balik melibatkan pelupusan bayaran balik berjumlah RM583.6 juta.

Memandangkan jumlah peruntukan yang perlu dilupuskan bagi pengecualian bayaran balik adalah besar, maka pada masa ini kerajaan tidak bercadang untuk meluaskan skop pengecualian bayaran balik kepada pelajar Ijazah Sarjana Muda Kepujian Kelas Kedua Atas. Walau bagaimanapun, semasa pembentangan Bajet 2013 pada 28 September 2012 telah memperkenalkan beberapa insentif kepada peminjam PTPTN di bawah inisiatif mengurangkan kos pembelajaran pelajar iaitu bagi peminjam yang

menyelesaikan hutang sekali gus dalam tempoh setahun bermula 1 Oktober 2012 hingga 30 September 2013, diskaun 20 peratus akan diberikan ke atas apa-apa baki hutang yang belum diselesaikan oleh peminjam sebelum 1 Oktober 2012 dan bagi mereka yang membayar pinjaman secara konsisten selama 12 bulan berturut-turut mengikut jadual mulai 1 Oktober 2012, diskaun 10 peratus setahun akan diberikan, di mana diskaun akan diberikan selepas bulan kedua belas melalui pelarasan atas baki hutang pada masa tersebut.

Pelbagai langkah telah dilakukan bagi mempastikan peminjam membuat bayaran balik pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) antaranya memperbanyakkan dan mempelbagaikan saluran bayaran balik seperti mewujudkan kaedah bayaran balik melalui potongan gaji secara tetap melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, menyediakan pelbagai saluran bagi kemudahan bayaran balik pembiayaan pendidikan antaranya melalui kaunter dan perbankan internet ejen-ejen yang dilantik seperti bank-bank tempatan dan Pos Malaysia serta bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan dan pihak swasta untuk mengesan peminjam PTPTN.

RT123